

Projek infrastruktur, pusat data diyakini jadi pemacu pertumbuhan pendapatan sektor pembinaan pada 2025- Phillip Capital

26 Dec 2024



KUALA LUMPUR 26 Dis - Pertumbuhan pendapatan bagi sektor pembinaan akan dipacu oleh projek infrastruktur dan pusat data utama pada 2025, kata Phillip Capital.

Firma penyelidikan itu memberi keutamaan kepada kontraktor yang mempunyai keupayaan pembuatan pusat data seperti Gamuda Bhd dan Sunway Construction Group Bhd , yang mungkin melihat penilaian semula mendahului rakan setera mereka.

"Buku pesanan sektor pembinaan, yang berada pada 2.4 kali ganda hingga 4.1 kali hasil sejarah, memberikan keterlihatan pendapatan yang kukuh.

"Oleh itu, firma penyelidikan mengekalkan panggilan "overweight" terhadap sektor itu," katanya dalam satu nota kajian.

Phillip Capital mengekalkan saranan "beli" terhadap Gamuda dengan harga sasaran (TP) RM5.55 sesaham.

Mereka menganggap Gamuda sebagai pendahulu untuk kebanyakan projek infrastruktur domestik, disokong rekod prestasi pelaksanaan kumpulan yang terbukti dan keupayaan untuk menjalankan kerja DC dengan keupayaan sistem bangunan perindustriannya.

Bagi syarikat bermodal kecil, firma penyelidikan itu memilih Binastra Corp Bhd dengan saranan "beli" dan TP sebanyak RM2.30 sesaham kerana kedudukannya sebagai proksi yang akan mendapat manfaat daripada rancangan pengembangan agresif Exsim Jalil Link Sdn Bhd.

Ia turut mengekalkan saranan "beli" untuk Kerjaya Prospek Group Bhd (TP: RM2.60) kerana menawarkan hasil dividen yang menarik, dan AME Elite Consortium Bhd (TP: RM2.15) kerana kedudukannya sebagai penerima manfaat langsung daripada Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

Disebabkan penilaian yang agak tinggi, mereka mengekalkan penarafan "pegang" terhadap Sunway Construction (TP: RM4.50).

Pusat data dijangka memacu peningkatan dalam anugerah kontrak, dengan RM40 bilion hingga RM80 bilion projek untuk direbut dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang.

Phillip Capital menjangkakan Sunway Construction dan Binastra mencatatkan pertumbuhan tertinggi, berdasarkan prospek buku pesanan pusat data dan pembangunan di Johor.

Pendapatan Gamuda berkemungkinan disokong oleh buku pesanan antarabangnya yang besar, manakala pertumbuhan Kerjaya Prospek akan didorong oleh aliran kontrak yang konsisten dari Eastern dan Oriental Bhd dan Kerjaya Prospect Property Bhd. - [DagangNews.com](https://www.dagangnews.com)